



Australian High Commission
Malaysia

SIARAN MEDIA

Australia Lancarkan *Anugerah Australia – Program Semester Malaysia* Untuk Sokong Pemimpin Masa Depan

Kuala Lumpur, 4 Ogos 2026 – Suruhanjaya Tinggi Australia di Malaysia dengan bangganya melancarkan *Australia Awards – Malaysia Semester Program* (Anugerah Australia – Program Semester Malaysia), inisiatif perintis yang menyediakan sokongan kewangan kepada lebih ramai pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan transnasional Australia di Malaysia untuk belajar di Australia. Program ini akan membolehkan pelajar ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana di Malaysia untuk menuntut ilmu di Australia sehingga dua semester dalam tempoh pengajian mereka.

Universiti yang turut serta termasuk Curtin University Malaysia, Monash University Malaysia dan University of Wollongong Malaysia. Semua universiti Australia dengan kampus cawangan di Malaysia telah dijemput untuk menyertai program perintis ini. Terdapat empat universiti Australia dengan kampus cawangan di Malaysia: Monash University Malaysia; Curtin University Malaysia; University of Wollongong Malaysia; dan Swinburne University of Technology Kampus Sarawak.

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Puan Yang Terutama Danielle Heinecke berkata, “Pendidikan merupakan penghubung utama antara Australia-Malaysia dan menjadi tunggak Kerjasama Strategik Komprehensif. Pelancaran program perintis ini menunjukkan komitmen Australia untuk mengeratkan hubungan antara rakyat kedua-dua negara dengan mewujudkan lebih banyak peluang untuk pelajar Malaysia belajar di Australia, membina rangkaian antarabangsa dan mengembangkan kemahiran untuk menjadi pemimpin masa depan.”

Australia Awards – Malaysia Semester Program menambah unsur baharu kepada kerjasama pendidikan yang sudah lama dijalinkan dengan Malaysia. Dengan membolehkan lebih ramai pelajar Malaysia untuk mengembara, belajar dan menetap di Australia, program ini akan membantu mereka membina

pengalaman global di samping menyumbang kepada usaha lebih luas Australia untuk membina tahap Kecelikan Asia (Asia Literacy) dan memperkukuh hubungan serantau melalui pertukaran pendidikan. Inisiatif baharu ini juga merealisasikan cadangan yang digariskan dalam *Invested: Australia's Southeast Asia Economic Strategy to 2040* (Pelaburan: Strategi Ekonomi Asia Tenggara Australia hingga 2040). Pelajar yang menyertai program ini mesti melanjutkan pengajian dalam bidang yang sejajar dengan tema utama kerjasama antara Australia dan Malaysia, seperti iklim, tenaga dan kelestarian, ekonomi digital, AI dan keselamatan siber atau pembuatan dan kejuruteraan maju.

Program **Australia Awards** ialah biasiswa berprestij yang memberi peluang kepada para pemimpin harapan di serata Indo-Pasifik untuk menjalankan kajian, penyelidikan dan pembangunan profesional di Australia. *Australia Awards – Malaysia Semester Program* merintis pendekatan baharu berlandaskan laluan pergerakan pendidikan transnasional sedia ada untuk menyokong lebih ramai pelajar menuntut ilmu di Australia. Penerima biasiswa ini akan menyertai komuniti Alumni Australia di Malaysia yang kini melebihi 500,000 orang ahli dan terus berkembang dari semasa ke semasa

Program ini direka untuk membantu pelajar yang mungkin menghadapi kekangan kewangan untuk belajar di Australia. Ia melibatkan proses pemilihan berasaskan merit yang menggalakkan permohonan daripada pelbagai latar belakang, termasuk dari segi jantina, keperluan upaya, budaya dan bahasa, serta mereka yang tinggal di kawasan luar bandar atau daripada latar belakang sosioekonomi yang lebih rendah.

Puan Yang Terutama Danielle Heinecke menambah, “Kami percaya keadaan kewangan tidak seharusnya menjadi halangan kepada pendidikan. Sejalan dengan Matlamat Pembangunan Mampan Bangsa-Bangsa Bersatu, Australia komited untuk menyokong belia Malaysia daripada semua latar belakang sosioekonomi untuk memanfaatkan peluang pendidikan di Australia. Program perintis ini akan menjadi platform untuk menyokong pelajar berprestasi tinggi, termasuk mereka yang berasal dari latar belakang yang pelbagai dan golongan yang kurang diwakili, agar dapat memanfaatkan pengalaman belajar di Australia.”

Program ini bermula pada Julai 2026, dan akan menampung kos pengajian antarabangsa, penginapan dan perbelanjaan sara hidup pelajar, pentadbiran universiti, kerjasama dan kos sokongan; di samping kos ujian Bahasa Inggeris, visa, perlindungan kesihatan pelajar luar negara dan insurans berkaitan. Permohonan kini dibuka kepada rakyat Malaysia atau pemastautin tetap yang sedang mengikuti pengajian di kampus cawangan Malaysia di Curtin University, Monash University dan University of Wollongong.

Pelajar layak mesti memenuhi kriteria berikut:

- mencapai merit akademik dan menunjukkan kesediaan untuk belajar di Australia
- memenuhi keperluan visa, kesihatan dan insurans untuk mengikuti pengajian di Australia
- menunjukkan kecekapan dalam kemahiran Bahasa Inggeris
- dinilai oleh institusi pendidikan yang berkaitan sebagai memerlukan sokongan kewangan

Pelajar yang berminat digalakkan menghubungi pihak universiti untuk butiran lanjut mengenai kelayakan dan permohonan. Untuk maklumat tambahan mengenai *Australia Awards – Malaysia Semester Program*, sila layari <https://malaysia.highcommission.gov.au/klpr/AustraliaAwardsMalaysiaSemesterProgram.html>.

Tamat

Nota Media: Imej media boleh dimuat turun di sini: [Link](#)

Untuk pertanyaan media, sila hubungi public-affairs.klpr@dfat.gov.au.